

KERTAS

1

Soalan Objektif

Arahan: Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

10.1 Pengertian Kemerdekaan

- 1 Menurut Kamus Dewan, kemerdekaan bererti

(BUKU TEKS m.s. 231)

- A perjuangan politik
B pembentukan negara
C berkorban untuk negara
D bebas daripada penjajahan

- 2 Apakah pandangan tokoh yang berikut berkaitan dengan konsep kemerdekaan?

(BUKU TEKS m.s. 234)



Sayyid Jamal al-Din al-Afghani

- I Jinsiyyah
II Rohaniah
III Madaniah
IV Wataniyyah
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 3 Tokoh berikut merupakan pejuang kemanusiaan yang berusaha membebaskan rakyat Afrika.



Nelson Mandela

Beliau berjuang untuk membebaskan rakyat Afrika daripada

(BUKU TEKS m.s. 234)

- A dasar apartheid
B penindasan kasta
C sistem perhambaan
D penindasan penjajah

- 4 Tokoh berikut merupakan pejuang kemerdekaan India.



Mahatma Gandhi

Beliau berjuang untuk membebaskan rakyat India daripada

(BUKU TEKS m.s. 234)

- I kemiskinan
II pemberontakan
III dasar apartheid
IV penindasan kasta
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 5 Maklumat berikut adalah pandangan pemimpin negara kita berkaitan dengan konsep merdeka.

Tokoh X

"Merdeka bukan sekadar bebas daripada cengkaman kuasa dan minda penjajah, merdeka bermaksud menghayati semangat jiwa merdeka dengan menyayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara dengan apa-apa cara sekalipun."

Siapakah X?

(BUKU TEKS m.s. 235)

- A Tun Fuad Stephens
B Tunku Abdul Rahman
C Tun Dr. Mahathir Mohamad
D Tun Temenggong Jugah anak Barieng

10.2 Persediaan Menyambut Pemasyhuran Kemerdekaan Negara

- 6 Dalam persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, dua tempat menjadi tumpuan upacara, iaitu

(BUKU TEKS m.s. 236)

- I Stadium Merdeka
II Tugu Kebangsaan
III Stadium Bukit Jalil
IV Padang Kelab Selangor
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 7 Jawatankuasa persediaan fizikal telah ditubuhkan untuk membuat persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara kita. Apakah prasarana fizikal yang perlu disediakan oleh jawatankuasa tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 236)

- I Istana Negara
II Masjid Negara
III Tugu Kebangsaan
IV Stadium Merdeka
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 8 Lagu *Negaraku* telah dicipta sebagai lagu kebangsaan negara kita.

Negaraku berasal daripada lagu

(BUKU TEKS m.s. 236)

- A *Terang Bulan*
B *Terang Bintang*
C *Negara Bangsaku*
D *Negara Yang Ku Cinta*

Detik Pemasyhuran Kemerdekaan Negara

- 9 Tepat pada jam 12.00 tengah malam, bendera *Union Jack* diturunkan dan bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan dengan diiringi lagu *Negaraku*. Mengapakah detik bersejarah tersebut amat penting kepada negara kita? (BUKU TEKS m.s. 212)
- A Lagu kebangsaan dicipta
B Bebas daripada penjajahan
C Perhimpunan kebangsaan diadakan
D Bermulanya era penjajahan negara
- 10 Tepat pada jam 12.00 tengah malam, bendera *Union Jack* diturunkan dengan diiringi lagu *God Save The Queen*. Peristiwa tersebut menandakan (BUKU TEKS m.s. 218)
- A Penguasaan kerajaan British
B Berakhirnya pentadbiran British
C Bermulanya era penjajahan British
D Penghormatan kepada kerajaan British
- 11 Pada pagi 31 Ogos 1957, Tunku Abdul Rahman melaungkan "Merdeka" sebanyak tujuh kali disusuli dengan laungan azan oleh Uztaz Hassan Azhari. Mengapakah azan dilaungkan? (BUKU TEKS m.s. 240)
- A Menandakan kesyukuran
B Melambangkan keimanan
C Menandakan kemenangan
D Melambangkan kegembiraan
- 12 Semasa sambutan hari kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, sebanyak 101 das tembakan telah dilepaskan. Tembakan yang dilepaskan menandakan (BUKU TEKS m.s. 240)
- A keberanian
B kedaulatan
C kebanggaan
D kegembiraan

- 13 Negara kita mencapai kemerdekaan tanpa pertumpahan darah.

Bagaimanakah kejayaan tersebut tercapai? (BUKU TEKS m.s. 211)

- I Melalui rundingan
II Menerusi media massa
III Mengadakan demonstrasi
IV Mengutamakan permufakatan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

10.4 Kesan Kemerdekaan terhadap Negara Kita

- 14 Kemerdekaan diperoleh telah memberi kesan terhadap negara kita. Apakah kesannya terhadap bidang politik negara? (BUKU TEKS m.s. 242)

- I Pengamalan sistem republik
II Pengukuhan sistem raja berkuasa mutlak
III Pengenalan sistem raja berperlembagaan
IV Pengamalan sistem demokrasi berparlimen
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 15 Selepas merdeka, pengubalan undang-undang di peringkat Persekutuan dilakukan oleh (BUKU TEKS m.s. 242)

- A Parlimen
B Perdana Menteri
C Mahkamah Tinggi
D Yang di-Pertuan Agong

- 16 Selepas merdeka, Tunku Abdul Rahman mengekalkan hubungan baik dengan Britain dan negara Komanwel. Mengapakah beliau berbuat demikian? (BUKU TEKS m.s. 243)

- A Memerlukan bantuan ketenteraan
B Menghentikan pemberontakan
C Mengeratkan persahabatan
D Mengelakkan kekacauan

- 17 Pada tahun 1957, negara kita menandatangani perjanjian berikut dengan Britain.

Anglo Malayan Defence Agreement (AMDA) 1957

Apakah manfaat perjanjian tersebut kepada negara kita? (BUKU TEKS m.s. 243)

- A Mendapat bantuan kewangan
B Menerima bantuan tentera
C Mencapai kemerdekaan
D Menarik pelabur asing

- 18 Pada 17 September 1957, negara kita menjadi anggota dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Negara kita menjunjung prinsip PBB untuk melindungi (BUKU TEKS m.s. 243)

- A sistem demokrasi
B hak asasi manusia
C masyarakat miskin
D negara baru merdeka

- 19 Negara kita telah menghantar pasukan tentera untuk menyertai pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Congo. Tindakan ini menunjukkan peranan negara kita dalam pengurusan (BUKU TEKS m.s. 243)

- A perang dunia
B latihan tentera
C hak asasi manusia
D konflik antarabangsa

- 20 Rancangan ekonomi yang berikut telah dilaksanakan pada tahun 1956 hingga tahun 1960.

Rancangan Malaya Pertama

Mengapakah rancangan tersebut dilaksanakan? (BUKU TEKS m.s. 244)

- A Memajukan bandar
B Meningkatkan sektor perindustrian
C Membangunkan kawasan luar bandar
D Mengeratkan perpaduan antara kaum

- 21 Di bawah Rancangan Malaya Pertama, kerajaan berusaha mempelbagaikan keluaran pertanian.

Mengapakah kerajaan berbuat demikian? **BUKU TEKS ms. 244**

- A Kerosotan harga getah
- B Kekurangan tenaga buruh
- C Meningkatkan pengeluaran getah
- D Menambahkan peluang pekerjaan

- 22 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ditubuhkan pada tahun 1956 untuk membuka tanah baharu secara besar-besaran. Usaha tersebut dilakukan untuk memajukan penanaman

BUKU TEKS ms. 244

- I kopi
- II tebu
- III getah
- IV kelapa sawit
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 23 Agensi berikut telah ditubuhkan pada tahun 1956.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Apakah matlamat penubuhan agensi tersebut? **BUKU TEKS ms. 244**

- A Memajukan kawasan tanah baharu
- B Membangunkan kegiatan perdagangan
- C Memindahkan penduduk di pinggir hutan
- D Menyediakan kemudahan asas di luar bandar

- 24 Setelah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ditubuhkan, banyak tanah baharu telah dibuka secara besar-besaran.

Apakah tanaman yang ditanam di bawah rancangan tanah FELDA? **BUKU TEKS ms. 244**

- I Padi
- II Kopi
- III Getah
- IV Kelapa sawit
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 25 Rancangan Buku Merah telah dilancarkan pada 25 Januari 1961.

Rancangan tersebut adalah berkaitan dengan **BUKU TEKS ms. 244**

- A pendidikan kebangsaan
- B kriteria pentadbiran
- C perpaduan kaum
- D kemudahan asas

- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan kandungan Perlembagaan Persekutuan.

Fasal 1 Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menetapkan bahawa bahasa Melayu hendaklah dijadikan bahasa kebangsaan.

Apakah usaha yang dijalankan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan?

BUKU TEKS ms. 245

- A Pembinaan institusi tinggi
- B Penghapusan sekolah venarkular
- C Penganalan Rancangan Buku Merah
- D Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka

- 27 Rajah berikut berkaitan dengan fungsi jabatan yang ditubuhkan oleh kerajaan.

Jabatan X

- Menyampaikan maklumat tentang peristiwa di dalam dan di luar negara.
- Memberi penerangan kepada rakyat berkaitan dengan falsafah, dasar dan wawasan negara.

Apakah jabatan X?

- A Jabatan Pendidikan
- B Jabatan Penerangan
- C Jabatan Kebangsaan
- D Jabatan Ketatanegaraan

105 Prinsip Kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu

- 28 Kerajaan negara kita terbahagi kepada tiga komponen seperti berikut.

- Badan Kehakiman
- Badan Perundangan
- X

Apakah X? **BUKU TEKS ms. 246**

- A Badan Eksekutif
- B Kabinet Menteri
- C Wilayah Pengaruh
- D Majlis Raja-Raja Melayu

- 29 Senarai berikut berkaitan dengan lambang kebangsaan.

- Jata Negara
- Lagu Kebangsaan
- Bendera Kebangsaan

Mengapakah lambang kebangsaan tersebut penting kepada negara kita?

BUKU TEKS ms. 247

- I Identiti negara
- II Simbol kekayaan
- III Tanda kebahagiaan
- IV Lambang perpaduan
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 30 Gambar berikut merupakan lambang kebangsaan Malaysia.



Mengapakah lambang tersebut diwujudkan? **BUKU TEKS ms. 247**

- I Simbol berdikari
- II Lambang jati diri
- III Simbol perpaduan
- IV Lambang kemasyarakatan
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV